

KENYATAAN MEDIA

KUALA LUMPUR (20 OKTOBER 2023) – Rakaman saat seorang kanak-kanak lelaki yang tercampak keluar daripada sebuah kenderaan yang sedang bergerak di Kota Bharu amat mengejutkan Pesuruhjaya Kanak-kanak Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). Kejadian ini dikhuatiri berpunca daripada kurangnya ciri-ciri keselamatan semasa kanak-kanak berada di dalam kenderaan.

Insiden tersebut dapat dielakkan sekiranya penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak atau *Child Restraint System* (CRS) dititikberatkan di dalam kenderaan. Tidak dapat dinafikan penggunaan CRS ini dapat mengurangkan jumlah kematian di jalanraya yang melibatkan kanak-kanak. Perkara ini sepatutnya dijadikan amalan namun tidak diendahkan tanpa mengira kemungkinan kemalangan yang akan berlaku.

Dalam pembentangan Belanjawan 2024 baru-baru ini, sebanyak 100 ribu topi keledar termasuk untuk kanak-kanak akan dibekal dan diagihkan secara percuma kepada keluarga yang kurang berkemampuan. Ini merupakan salah satu langkah proaktif yang diambil oleh Kementerian Pengangkutan dalam usaha untuk mengurangkan kadar kematian dan impak kecederaan kanak-kanak dalam kemalangan kenderaan bermotor. SUHAKAM turut memuji usaha dalam Belanjawan 2022 yang menyediakan subsidi 50% untuk keluarga berpendapatan rendah mendapatkan kerusi keselamatan kanak-kanak namun lebih banyak perlu dilakukan dalam usaha untuk meningkatkan kepentingan penggunaannya.

Pesuruhjaya Kanak-kanak menggesa Kementerian Pengangkutan dan agensi penguatkuasaan yang berkaitan untuk segera menguatkuasakan penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak. Ini adalah satu langkah untuk menyelamatkan nyawa dan ia tidak boleh dikompromi. Ibu bapa dan pemandu kenderaan diingatkan untuk sentiasa memastikan persekitaran yang selamat untuk kanak-kanak.

-TAMAT-

Dr Farah Nini Dusuki
Pesuruhjaya Kanak-Kanak
20 Oktober 2023